

26 JUL 1997

Albright

ALBRIGHT KUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Setiausaha Negara Amerika Syarikat Madeleine Albright hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Beliau mengadakan perbincangan selama 45 minit dengan Dr Mahathir yang berkisar kepada isu-isu dua hala dan antarabangsa.

Albright tiba di sini malam tadi untuk menghadiri Persidangan Selepas Mesyuarat Peringkat Menteri Asean (PMC) pada hari Isnin. Ia diadakan berikutan krisis politik Kemboja dan serangan spekulatif terhadap mata wang Asean.

Pergolakan di Kemboja dijangka dibincangkan pada PMC.

Sementara itu, wakil khas Presiden Clinton ke Kemboja, Stephen Solarz mengadakan perbincangan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini malam tadi. Beliau juga menemui Perdana Menteri Kedua Kemboja Hun Sen di Phnom Penh semalam.

Solarz dilaporkan sebagai berkata bahawa beliau akan mengemukakan satu laporan lengkap kepada Albright mengenai keadaan di Kemboja dan prospek kepada penyelesaian politik yang aman kepada krisis sekarang.

Asean telah menanggungkan kemasukan Kemboja ke dalam pertubuhan serantau itu selepas Hun Sen merampas kuasa daripada Perdana Menteri Pertama Putera Norodom Ranariddh pada 6 Julai.

Jumaat lepas Asean bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam usaha menstabilkan ekonomi mereka berikutan kejatuhan nilai mata wang Asia. --
BERNAMA

ZKS AKD